

## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	6/1/2020
JABATAN	:	KATS
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

Negeri enggan naik tarif air

# 'Buktikan tak berlaku krisis bekalan pada masa depan'

Jika semua negeri bersetuju, kadar baharu dilaksana tahun ini

Oleh Ruwaida Md Zain.  
bhnews@bh.com.my

**Klang:** Kerajaan negeri yang enggan melaksanakan kenaikan tarif air perlu menyediakan mekanisme yang membuktikan negeri berkenaan tidak akan mempunyai krisis air pada masa depan.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Datuk Dr Xavier Jayakumar, berkata pihaknya akan berhubung dengan negeri terbahari seperti Negeri Sembilan.

Katanya, bagi kerajaan negeri yang enggan menaikkan tarif air, beliau akan mengadakan perbincangan mengenai mekanisme lain untuk menyakinkan penggunaan krisis bekalan air tidak akan berlaku pada masa depan.

"Tetapi, kita tahu negeri mana yang berada dalam situasi kritikal sekarang. Kalau kita tidak buat apa-apa dalam tempoh lima tahun ini, akan ada masalah air yang besar dalam negara.

"Kita akan cuba atasi dengan program dan rancangan yang kita buat untuk Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12). Jika tidak mula sekarang, pasti akan ada satu krisis pada masa depan," katanya ketika diminta mengulas pendirian kerajaan Negeri Sembilan yang tidak akan menaikkan tarif air.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, dilaporkan berkata, tiada kenaikan tarif air dalam tempoh lima tahun di negeri itu. Xavier berkata demikian dalam sidang media selepas Program Restorasi, Tebus Guna dan Rehabilitasi melalui Penanaman Pokok di Kolam Tadahan Taman Bandar Botanik di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Perhutanan Semanjung Malaysia, Datuk Mohd Rizda Awang; Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr Abd Latif Mohmod dan Timbalan Yang Di-



Xavier (tengah) memang tanah pada perasmian Program Restorasi, Tebus Guna dan Rehabilitasi Melalui Penanaman Pokok di Kolam Tadahan Taman Bandar Botanik, di Klang, semalam. (Foto BERANAMA)

pertua, Majlis Perbandaran Klang, Elyza Marini Darmin.

Xavier bagaimanapun mengesahkan sudah banyak negeri yang bersetuju berhubung pelaksanaan tarif air baharu.

**Kita cuba atasi dengan program dan rancangan yang kita buat untuk Rancangan Malaysia Ke-12. Jika tidak mula sekarang, pasti akan ada krisis pada masa depan.**

Xavier Jayakumar,  
Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli

"Ada negeri yang setuju akan bawa ke Kabinet untuk kelulusan dan akan umum dalam masa terdekat. Negeri yang belum bersetuju, kita akan terus bincang dengan mereka.

"Apabila semua negeri bersetuju, pelaksanaan akan dilakukan tahun ini," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, semua pihak perlu faham bahawa industri air memerlukan bajet yang besar bagi memastikan seluruh negara mendapat air 24 jam sehari, 365 hari setahun.

"Sekarang kita ada simpanan air yang sangat rendah di semua negeri termasuk Selangor, Johor, Pulau Pinang. Untuk tingkatkan simpanan itu, kena ada banyak perbelanjaan modal," katanya.

Mengulas mengenai program semalam, Xavier berkata, kementerian itu menyasarkan penana-

man 100 juta pokok di seluruh negara dalam tempoh lima tahun membabitkan merbau, kering ne-ram, meranti melantai, penaga lili, bungor, tampoi dan tualang.

"Ini antara usaha memelihara dan memelihara kawasan berhutan di negara ini, selain menyemai sikap tanggungjawab dan cintakan alam sekitar serta mempromosikan pokok kebangsaan seperti merbau.

"Pada hari ini, 140 pokok daripada 36 spesies pokok hutan ditanam di sekitar kawasan ini. Hampir semua pokok yang ditanam dipamerkan dalam Pameran Hutan Kita antara 23 Ogos hingga 22 September lalu, yang dirasmikan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum mengisytiharkan pokok merbau (Intsia Palenbanica) sebagai pokok kebangsaan," katanya.